



PEJABAT PENGARAH (OFFICE OF THE DIRECTOR)

جائتین اکام اسلام ولایہ فرسکوٹوان

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
FEDERAL TERRITORY ISLAMIC AFFAIRS DEPARTMENT

Kompleks Pusat Islam
Jalan Perdana
50676 Kuala Lumpur



Tel : +603-2274 9333
Faks : +603-2273 1575
Email : info@jawi.gov.my
aduan@jawi.gov.my
Web : www.jawi.gov.my
Hotline Penguatkuasaan : 1-800-88-1771

Ruj. Kami : JAWI.K.100-3/6 (68)
Tarikh : 13 Oktober 2020M
25 Safar 1442H

**Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kariah
Masjid di Wilayah-Wilayah Persekutuan**

Imam Besar Masjid Wilayah Persekutuan

**Naqib-Naqib Masjid
di Wilayah-Wilayah Persekutuan**

**Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa
Surau Jumaat dan Surau
di Wilayah-Wilayah Persekutuan**

Assalamualaikum warahmatullah wth.

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENANGGUHAN SOLAT FARDHU BERJEMAAH DAN SEMUA AKTIVITI BAGI
MASJID, SURAU JUMAAT DAN SURAU DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA
LUMPUR DAN PUTRAJAYA SEPANJANG TEMPOH PENGUATKUASAAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada sidang media oleh YB Menteri Kanan Pertahanan dan selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 12 Oktober 2020, kerajaan menetapkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mulai 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020 bagi menyekat penularan wabak COVID-19. Sepanjang tempoh PKPB ini, masjid dan rumah ibadat bukan Islam adalah ditutup.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini menetapkan bahawa sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) semua masjid, surau Jumaat dan surau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya diarahkan melaksanakan ketetapan berikut:

3.1 Solat Jumaat dan solat fardhu lima waktu

- i. Solat Jumaat ditangguhkan dan digantikan dengan solat Zohor di rumah masing-masing.
- ii. Solat fardhu lima waktu berjemaah ditangguhkan dan dilaksanakan secara berjemaah di rumah masing-masing. Solat berjemaah boleh dilaksanakan oleh Imam dan Bilal bertugas bersama tiga (3) orang anggota jawatankuasa yang lain.

3.2 Aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan

Semua aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan seperti kuliah, ceramah, majlis akad nikah, *walimatularus* dan lain-lain ditangguhkan.

3.3 Laungan azan

Laungan azan solat fardhu lima waktu hendaklah diteruskan seperti biasa dan pengumuman selepas azan hendaklah dibuat seperti berikut:

“Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh. Azan sebentar tadi menandakan telah masuk waktu solat fardhu Oleh yang demikian, anda disarankan untuk mendirikan solat berjemaah bersama ahli keluarga di rumah masing-masing.”

4. Jabatan ini mengharapkan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam melaksanakan ketetapan ini. Semoga Allah SWT menghindarkan rakyat Wilayah Persekutuan dan Malaysia keseluruhannya dari wabak COVID-19.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL, KMW)

Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Salinan Kepada:

1. Pengerusi
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
Aras 1,7,9-11, Bangunan PERKIM
No. 150, Jalan Ipoh
51200 Kuala Lumpur
2. Pengerusi
Jawatankuasa Kerja Keselamatan
Negeri Wilayah Persekutuan
Majlis Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan
3. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana,
62502 Putrajaya
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 7, Blok 2, Menara Seri Wilayah,
62100 Presint 2, Putrajaya
5. Ketua Polis Kuala Lumpur
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur
Polis Diraja Malaysia Jalan Hang Tuah
51100 Kuala Lumpur
6. Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penguatkuasaan
Kompleks Pusat Islam,
Jalan Perdana 50676 Kuala Lumpur
7. Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Masjid
Kompleks Pusat Islam,
Jalan Perdana 50676 Kuala Lumpur
8. Ketua Penolong Pengarah Kanan
(JAWI Cawangan Putrajaya)
Aras 2, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 3, 62100 Putrajaya
9. Ketua Polis Daerah Putrajaya
Ibu Pejabat Polis Daerah
Polis Diraja Malaysia Presint 7
62520 Putrajaya